

**D.R. 18/90**

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 7 naskhah Bahasa Malaysia Akta Cukai Jualan 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (*b*) subseksyen (1) dengan yang berikut:

*"(b)* berkenaan dengan barang-barang yang dijual selainnya oleh seorang kena cukai, harga barang-barang itu mungkin dijual jika ianya dijual mengikut kelaziman perniagaan kepada seseorang yang tidak bergantung kepada orang kena cukai itu;"
3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "oleh atau di bawah Akta ini" dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan ", selain daripada yang diberikan oleh subseksyen (5) seksyen 15". Pindaan seksyen 3.
4. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "cukai jualan,", perkataan-perkataan "atau mana-mana orang atau golongan orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan,". Pindaan seksyen 8.

Penggantian  
seksyen 17.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 17 dengan yang berikut:

"Invois, 17. (1) Tiap-tiap orang kena cukai yang menjual apa-apa barang kena cukai hendaklah mengeluarkan suatu invois dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris kepada pembeli berkenaan dengan urusan itu, dan hendaklah menyatakan di dalamnya secara berasingan jumlah cukai jualan yang kena dibayar dan harga barang-barang itu telah dijual.

(2) Tiada invois yang menunjukkan suatu jumlah yang berupa sebagai cukai jualan boleh dikeluarkan apabila dijual apa-apa barang—

(a) yang bukan barang kena cukai; atau

(b) oleh seseorang yang bukan orang kena cukai.

(3) Jumlah cukai jualan yang kena dibayar boleh didapatkan kembali oleh orang kena cukai itu daripada pembeli sebagai tambahan kepada harga dan apa-apa jumlah lain yang kena dibayar oleh pembeli itu berkenaan dengan barang-barang itu."

Pindaan  
seksyen 30.

6. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A), (1B) dan (1C) yang berikut:

"(1A) Ketua Pengarah boleh membenarkan cukai jualan atau wang lain atau kekurangan, atau pemulangan balik yang disebutkan di dalam subseksyen (1) dibayar dengan ansuran dalam amaun dan pada tarikh-tarikh yang dia boleh tentukan; dan, tertakluk kepada subseksyen (1B), jika amaun cukai jualan itu dibenarkan dibayar dengan ansuran di bawah subseksyen ini, perenggan (b) seksyen 24 hendaklah tidak terpakai kepada amaun tersebut mulai dari tarikh kebenaran itu.

(1B) Jika berlaku kegagalan membayar mana-mana satu ansuran di bawah subseksyen (1A) pada tarikh genap

masanya untuk bayaran baki amaun yang kena dibayar makakesemuaamaunyangtertunggakhendaklahmenjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh tersebut dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggung membayar amaun yang kena dibayar itu, ditambah dengan satu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki tersebut dan jumlah itu hendaklah boleh didapatkan kembali seolah-olah ianya genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini.

(1c) Tiada apa-apa dalam subseksyen (1A) dan (1B) boleh menjejaskan perjalanan hak dan kuasa di bawah seksyen ini oleh Ketua Pengarah untuk menyita atau menjual mana-mana barang-barang kepunyaan orang yang bertanggung untuk membayar cukai jualan tersebut atau wang lain bagi mendapatkan balik amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan (1B) atau mana-mana baki mengenainya."

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 32 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 32.

"Pulangan cukai jualan atau penalti yang terlebih bayar atau tersilap bayar. 32. Adalah sah bagi Ketua Pengarah Jika dibuktikan sehingga dia berpuas hati bahawa apa-apa wang telah terlebih bayar atau tersilap bayar sebagai cukai jualan atau penalti di bawah Akta ini, memerintahkan pembayaran balik wang yang terlebih bayar atau tersilap bayar itu:

Dengan syarat bahawa tiada pembayaran balik sedemikian boleh dibenarkan melainkan jika suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh satu tahun selepas bayaran terlebih atau tersilap itu dibuat."

8. Seksyen 69 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "pada masa itu" dalam subseksyen (1). Pindaan seksyen 69.

9. Seksyen 70 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "cukai jualan yang" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "kena dibayar atau". Pindaan seksyen 70.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Jualan 1972 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 7 (1) (b) Akta dalam naskhah Bahasa Malaysia untuk menghapuskan apa-apa ketaksaan berbangkit daripada perkataan-perkataan dalam seksyen itu berkenaan dengan jualan barang-barang kepada seorang yang bergantung kepada orang kena cukai.
3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 (2) Akta untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah sendiri memutuskan pertikaian-pertikaian berkenaan dengan barang-barang yang tertakluk kepada cukai jualan.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 8 Akta untuk memberi Menteri juga kuasa mengecualikan melalui perintah mana-mana orang atau golongan orang daripada membayar cukai jualan. Peruntukan-peruntukan yang ada sekarang hanya mengecualikan barang-barang tetapi tidak mana-mana orang atau golongan orang.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 17 Akta untuk memperbaiki kawalan ke atas transaksi jualan yang dikenakan cukai dengan menghendaki penjual mengeluarkan invoice kepada pembeli dan dengan itu mengurangkan bilangan perbuatan pelarian dan pengelakan cukai.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 30 Akta untuk membolehkan Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran apa-apa amaun yang kena dibayar.
7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 32 Akta untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah membayar balik cukai jualan atau apa-apa penalti yang terlebih bayar atau tersilap bayar.
8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 69 (1) Akta untuk memotong perkataan-perkataan "pada masa itu" untuk menghapuskan apa-apa ketaksaan.
9. *Fasal 9* bertujuan menyejajarkan subseksyen (1) dan (2) dalam seksyen 70 Akta untuk menghapuskan apa-apa ketaksaan yang mungkin berbangkit.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1510.]